

02/12/1997

Tiada konspirasi kuasai ekonomi Asia Timur

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kegawatan ekonomi Asia Timur bukan disebabkan konspirasi untuk menguasai ekonomi negara membangun.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun, kemelut itu yang disebabkan serangan spekulatif memberi peluang kepada negara kaya untuk menguasai negara membangun dengan memaksa mereka membuka ekonomi.

Menurutnya, berikutan itu kebanyakan negara termasuk Korea Selatan berusaha mengelak daripada menerima sebarang bantuan terutama daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang mengenakan pelbagai syarat, antara lain membuka sektor kewangan mereka kepada penyertaan penuh pelabur asing.

"Keadaan ini secara kemungkinan menyaksikan bank asing yang akhirnya akan menguasai kewangan negara terbabit," tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat Menteri Kewangan Asean dan Asean Campur Enam, di sini, semalam.

Mesyuarat Asean Campur Enam ialah antara Menteri Kewangan Asean dengan rakan sejawatan mereka dari Australia, China, Hong Kong, Jepun, Korea Selatan dan Amerika Syarikat.

Dr Mahathir yang terus lantang menyelar peniaga mata wang, menegaskan cadangan Malaysia supaya mengadakan pasaran khusus bagi mata wang perlu dikaji dengan teliti dan dilaksanakan secepat mungkin.

"Serangan oleh peniaga mata wang ini terhadap negara sedang membangun di Selatan lebih banyak menjejaskan pertumbuhan mereka.

"Walaupun usaha pemulihan dibuat, tetapi negara ini kehilangan dan kerugian kebanyakan kekayaan mereka akibat kemelut ini.

"Sebagai tambahan, mereka juga mungkin kehilangan kedaulatan ekonomi," katanya.

Berikutan bahaya itu, beliau berkata, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) merumus dan menguatkuasakan peraturan bagi mengurangkan kekacauan dalam urusan niaga mata wang, dengan negara maju dan sedang membangun mempunyai hak dalam merangka peraturan itu.

(END)